

Newspaper	Berita Harian
Date	15 October 2015

Bekas Ketua Hakim Negara Tokoh Maal Hijrah

BH - 15/10/2015



Najib **menyampaikan anugerah Tokoh Maal Hijrah kepada Abdul Hamid** pada majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1437H/2015M di Masjid Negara, semalam.

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

Kuala Lumpur: Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad, 73, dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Pering-

kat Kebangsaan 1437H/2015M. Abdul Hamid yang juga Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhan-

jaya Sekuriti Malaysia dipilih atas sumbangan besarnya memperkasakan bidang perundangan dan kehakiman,

khususnya berkaitan syariah di negara ini.

Beliau menerima hadiah wang tunai RM100,000, plak, pingat dan sijil penghargaan yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Tak sangka terima anugerah. Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Abdul Hamid berkata beliau tidak menyangka akan menerima anugerah itu sepanjang hayatnya kerana latar belakangnya lebih terarah pada mahkamah sivil.

“Sejak 41 tahun lalu, saya banyak menghasilkan penghakiman, rencana, ucapan dan kertas kerja berkaitan syariah seperti isu wakaf, perbankan Islam dan percanggahan bidang kuasa mahkamah syariah dan sivil serta bagaimana mengatasinya... mungkin kerana itu pengiktirafan ini diberi” katanya.

Beliau yang berasal dari Seberang Perai, Pulau Pinang, mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Paya Keladi, Sekolah St Mark's dan St Xavier's Institution, sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang di Universiti of Singapore.

Abdul Hamid berkhidmat sebagai hakim selama 40 tahun dengan jawatan terakhir sebagai Ketua Hakim Negara dari tahun 2007 hingga 2008.